

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Borneo Online

TARIKH : 9 Januari 2023

SITASI :

M/S : -

"Kementerian Perpaduan cadang perkenal slogan 'Ini Malaysia Kita' tingkat patriotism rakyat". *Utusan Borneo Online*, 9 Januari 2023

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/01/09/kementerian-perpaduan-cadang-perkenal-slogan-ini-malaysia-kita-tingkat-patriotisme-rakyat>

Di akses pada 10 Januari 2023

# Kementerian Perpaduan cadang perkenal slogan 'Ini Malaysia Kita' tingkat patriotisme rakyat

- 2023-01-09T15:33:04+08:00



Aaron (tengah) bersama warga Kementerian dan Agensi negeri Kedah dan Perlis pada Majlis Perjumpaan dan Amanat Menteri Perpaduan sempena program lawatan kerja hari ini. - *Gambar Bernama*

KANGAR: Kementerian Perpaduan Negara bercadang memperkenalkan slogan ‘Ini Malaysia Kita’ bagi meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang berkata pihaknya akan mengemukakan perkara itu kepada Kabinet untuk kelulusan.

“Inisiatif ini berlandaskan prinsip asas Rukun Negara yang bertujuan menyemai dan memupuk semangat perpaduan dalam kepelbagaian dan rasa cinta kepada tanah air.

“Kita mahu keamanan, rakyat hidup sejahtera dan gembira,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Perjumpaan dan Amanat Peringkat Negeri Perlis dan Kedah di Dewan 2020 hari ini.

Majlis dihadiri kira-kira 700 warga kementerian itu yang terdiri daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia bagi negeri Perlis dan Kedah.

Beliau berkata ‘Ini Malaysia kita’ bertujuan menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi antaranya jenayah, penyalahgunaan dadah, bunuh diri dan sebagainya.

Sementara itu, Aaron berkata Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2.0 telah dilaksanakan secara bersama dengan Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi melihat kedudukan tahap perpaduan terkini.

“Kajian IPNas 2.0 menunjukkan pencapaian pada nilai 0.629 yang membawa maksud kesepadan nasional negara berada pada tahap sederhana dan terkawal.

“Tahap kesepadan sosial pada 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.062 (6.2 peratus) daripada nilai indeks 0.567 yang dicapai pada 2018,” katanya. - Bernama